

09/10/2003

## S&P iktiraf kekukuhan ekonomi Malaysia

Nor Liza Ahmad

STANDARD & Poor's Rating Services (S&P) mengiktiraf kekukuhan ekonomi Malaysia dengan menaikkan penarafan kredit kedaulatan mata wang asing jangka panjang Malaysia kepada 'A-' daripada 'BBB+'.

Pada masa sama, agensi penarafan antarabangsa itu turut mengesahkan penarafan 'A-2' bagi mata wang asing jangka pendek dan 'A+/A-1' bagi mata wang tempatan jangka panjang dan jangka pendek Malaysia.

S&P dalam kenyataannya di Kuala Lumpur, semalam berkata, tinjauan penarafan Malaysia itu adalah stabil.

Penganalisis kredit Kumpulan Penarafan Kedaulatan Asia Pasifik S&P, Chih Wai Liew, dalam kenyataan itu, berkata peningkatan penarafan itu mencerminkan prestasi ekonomi Malaysia yang lebih baik daripada jangkaan dan proses peralihan kepemimpinan yang lancar tanpa sebarang gangguan kepada dasar.

"Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal mengambil alih pucuk pimpinan Malaysia, dijangka meneruskan dasar yang sudah dirangka ketika kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun beliau mungkin mungkin mengguna pakai pendekatan yang lebih konsultatif dalam membuat dasar," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Malaysia turut menunjukkan komitmennya dengan menurunkan sasaran defisit kepada 3.3 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan, walaupun ia perlu melaksanakan pilihan raya umum sebelum Januari 2005.

Katanya, defisit Kerajaan Malaysia tahun ini, kini dijangka pada kadar 4.4 peratus daripada nilai KDNK, lebih rendah berbanding unjuran terdahulu S&P pada 6.1 peratus.

"Meskipun sasaran fiskal 2004 kelihatan agak optimistik, kami tidak terkejut melihat defisit kerajaan hampir kepada 4.2 peratus daripada KDNK, kerana aliran defisit yang mengecil dijangka berterusan," kata Liew.

Beliau berkata, S&P turut menjangka imbalan kerajaan Malaysia bakal menyaksikan lebih kecil selepas 2007.

Liew berkata, penarafan gred pelaburan Malaysia itu disokong kecairan luar yang besar.

Dengan satu tahun lagi lebih dalam akaun semasa, rizab asing Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka mencecah AS\$39 bilion (RM148.2 bilion) menjelang akhir tahun ini.

Jumlah rizab asing bank pusat itu mencukupi untuk membiayai empat setengah bulan import tertanggung dan bersamaan 211 peratus keperluan pembayaran hutang luar negara, termasuk hutang luar jangka pendek tahun ini.

"Dengan akaun semasa diunjurkan terus mencatatkan lebihan, rizab asing Malaysia juga dijangka meningkat dalam tempoh jangka sederhana," kata Liew.

Sementara itu Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, ketika mengulas kenaikan penarafan itu, berkata, ia adalah berita positif bagi negara ini dan adalah hasil langsung bajet berhemah yang diumumkan Dr Mahathir bulan lalu.

"Kenaikan penarafan oleh S&P itu adalah satu pengiktirafan terhadap dasar fiskal berhemah berterusan yang diamalkan kerajaan," katanya.

Jamaludin berkata, kerajaan komited terhadap usaha mencapai bajet seimbang menjelang 2007 dan akan bekerja keras memastikan sasaran bagi defisit 2004 sebanyak 3.3 peratus dikekalkan.

"Kami juga gembira untuk menyatakan bahawa kenaikan penarafan itu meletakkan Malaysia setanding dengan Korea Selatan serta mengatasi China dan Thailand, kerana kami berasakan memang tepat pada masanya dasar kerajaan ke arah pengurusan fiskal berhemah diiktiraf agensi penarafan antarabangsa," katanya.